

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
ETR 300**

# ENERGY SPORT SDN BHD



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**bISEbIAKAN UNTUK:  
ENCIK WAJIBi KERNi**

**OISEbIAKAN OLEH:**

**NORASHIKIN BTE FAUZI (97235615)  
WibYA RAHAYU BTE ASSAN (97235759)  
NOORHANEYZA BTE HJ. ALI (97044820)  
JACQUELINE NORIYATI MARTIN (97044580)**

**8 OCTOBER 1999**

# ISI KANDUNGAN

- 1.0 PENGENALAN
- 2.0 TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN (RP)
- 3.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN
- 4.0 LATAR BELAKANG AHLI KONGSI
- 5.0 RANCANGAN PENTADBIRAN
  - Matlamat dan Strategi Organisasi
  - Carta Organisasi
  - Senarai Jawatan dan Tanggungjawab
  - Perbelanjaan Pentadbiran
- 6.0 RANCANGAN PEMASARAN
  - Analisa Pemasaran
  - Bentuk Pasaran
  - Saiz Pasaran
  - Barangan/Perkhidmatan
  - Pesaing
  - Ramalan Jualan
  - Strategi Pemasaran
  - Strategi Harga
  - Strategi Promosi
  - Perbelanjaan Pemasaran
  - Rumusan Pemasaran Secara Keseluruhan
- 7.0 RANCANGAN OPERASI
  - Matlamat Bahagian Operasi
  - Senarai Jenis Produk
  - Carta Aliran Proses
  - Kapasiti Pengeluaran
  - Senarai Mesin dan Kelengkapan
  - Lokasi
  - Susun Atur Ruang Perniagaan
  - Senarai Tenaga Pekerja
  - Belanja Pengeluaran Operasi
- 8.0 RANCANGAN KEWANGAN
  - Penyediaan Kos Perlaksanaan Projek
  - Sumber Pembiayaan Projek
  - Jadual Bayaran Balik Pinjaman
  - Jadual Pembayaran Balik Sewa Beli

## **BAHAGIAN 1 : PENGENALAN**

Perniagaan yang bakal kami jalankan ini adalah menjual dan mengedar barangan sukan iaitu Energy Sport Sdn. Bhd. Lokasi yang kami pilih untuk menjalankan perniagaan kami ini adalah di pusat bandar iaitu di Jalan Haji Taha, di mana kawasan ini merupakan tumpuan orang ramai. Kami menjangka perniagaan kami ini akan mula beroperasi pada Julai 2000 iaitu 6 bulan dari sekarang.

Tren pasaran yang menjustifikasikan projek ini adalah berdasarkan kepada permintaan terhadap barangan sukan yang terkini dan bermutu tinggi. Lebih-lebih lagi jenama yang terkenal seperti Nike, Puma, Cheetah, Umbro dan Adidas merupakan jenama yang menjadi tumpuan ramai pada masa kini. Kami telah memilih untuk menjual barangan Buatan Malaysia bagi mengurangkan kos perbelanjaan yang terlalu tinggi. Kami juga memastikan bahawa mutu barangan kami ini berkualiti dan dapat menepati kepuasan para pengguna.

## **BAHAGIAN 2 : TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Komponen penting yang perlu diambil kira oleh setiap ahli perniagaan dalam menyediakan Rancangan Perniagaan ialah :-

1. Meyakini pihak kewangan bagi mendapatkan sumber pembiayaan kewangan dan bantuan dari segi modal permulaan perniagaan.
2. Mengkaji dan mengenal pasti sama ada perniagaan yang akan dijalankan berdaya maju atau sebaliknya.
3. Merangka semua perbelanjaan yang mengambil kira semua kos dengan melihat dan menilai perniagaan secara objektif, kritikal dan praktikal.
4. Dijadikan sebagai bahan rujukan dalam menguruskan perniagaan seharian.

## RANCANGAN PENTADBIRAN

Bagi membentuk sesebuah perniagaan yang berdaya maju satu bentuk pengurusan organisasi yang cekap dan teratur adalah perlu. Kemahiran dan kecekapan setiap ahli kongsi perlu diambil kira dalam membuat pilihan bagi mencapai satu bentuk organisasi yang sebenar. Ini adalah bertujuan untuk memastikan pengurusan perniagaan dapat berjalan dengan lancar.

Pengurusan dalam sesebuah perniagaan adalah penting kerana ia merupakan satu proses pembahagian sumber tugas bagi mencapai matlamat organisasi yang telah ditetapkan. Proses organisasi merupakan aktiviti kerja yang disusun dan diagihkan kepada ahli untuk mencapai matlamat organisasi yang telah diatur. Dengan adanya rangka pertubuhan ini nanti, ianya akan membantu ahli mengetahui kedudukan, peranan dan tanggungjawab masing-masing di dalam sesebuah organisasi.

## BENTUK BANGUNAN DAN KEMUDAHAN ASAS

Bentuk bangunan bagi perniagaan kami adalah berbentuk rumah kedai tiga tingkat dimana kami akan menyewa bahagian bawahnya untuk dijadikan sebagai tempat untuk beroperasi.

Lokasi perniagaan yang dipilih adalah berdasarkan kepada beberapa tinjauan yang telah kami buat. Antaranya, kedudukan Energy Sport Sdn. Bhd. yang strategik berada ditengah-tengah kesibukan pekerja pejabat sekitar kawasan Jalan Haji Taha dan berhampiran dengan premis-premis perniagaan yang lain dan juga terdapat jabatan-jabatan kerajaan, syarikat swasta, dan sekolah yang berhampiran.

Bangunan dimana terletak Energy Sport Sdn. Bhd. adalah berbentuk sewa dimana deposit akan dibayar kepada pemilik bangunan pada bulan pertama iaitu kadar dua bulan sewa bangunan iaitu sebanyak RM8,000. Pada tiap-tiap bulan berikutnya kadar sewa adalah mengikut kadar standardnya iaitu RM4,000.

Kemudahan-kemudahan asas yang terdapat disekitar kawasan Energy Sport Sdn. Bhd. menjadi salah satu tarikan kepada pelanggan untuk ke kedai kami. Antaranya ialah kemudahan jalan raya bagi memudahkan para pelanggan